

Bil. S 19

**AKTA CUKAI PENDAPATAN
(Penggaj 35)**

**PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (NEGARA BRUNEI DARUSSALAM – KERAJAAN
REPUBLIK FILIPINA) (PERJANJIAN PENGELAKAN CUKAI DUA KALI), 2023**

BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh bab 41 dari Akta Cukai Pendapatan bahawa jika Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan perintah mengisytiharkan bahawa penyusunan yang dinyatakan dalam perintah itu telah dibuat dengan kerajaan mana-mana negara atau wilayah di luar Negara Brunei Darussalam berhubung dengan cukai di bawah Akta itu dan apa-apa cukai yang sama jenisnya yang dikenakan oleh undang-undang negara atau wilayah tersebut bagi tujuan yang termasuk pelepasan daripada cukai dua kali dan bahawa adalah mustahak supaya penyusunan tersebut berkuat kuasa, maka penyusunan tersebut hendaklah berkuat kuasa berhubung dengan cukai dan perkara lain yang berkaitan di bawah Akta itu dengan tidak menghiraukan apa-apa pun dalam mana-mana undang-undang bertulis.

DAN BAHAWASANYA dengan suatu perjanjian bertarikh 16 haribulan Julai 2021 antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Republik Filipina, penyusunan telah dibuat, antara lainnya, bagi pengelakan cukai dua kali.

OLEH YANG DEMIKIAN MAKA adalah dengan ini diisytiharkan oleh Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, bahawa —

(a) perjanjian yang dinyatakan dalam Jadual telah dibuat dengan Kerajaan Republik Filipina; dan

(b) adalah mustahak supaya penyusunan tersebut hendaklah berkuat kuasa dengan tidak menghiraukan apa-apa pun dalam mana-mana undang-undang bertulis.

JADUAL

PERJANJIAN

ANTARA

**KERAJAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN
YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

DENGAN

KERAJAAN REPUBLIK FILIPINA

**BAGI PENGELAKAN CUKAI DUA KALI DAN PENCEGAHAN PELARIAN FISKAL
BERKENAAN DENGAN CUKAI-CUKAI KE ATAS PENDAPATAN**

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Republik Filipina,

Dengan hasrat untuk membuat suatu Perjanjian bagi pengelakan cukai dua kali
dan pencegahan pelarian fiskal berkenaan dengan cukai-cukai ke atas pendapatan,

Telah bersetuju seperti yang berikut:

Perkara 1

ORANG YANG DILIPUTI

Perjanjian ini hendaklah dikenakan kepada orang yang menjadi pemastautin
di salah satu atau kedua-dua Negara Pejanji.

Perkara 2

CUKAI YANG DILIPUTI

1. Perjanjian ini hendaklah dikenakan kepada cukai-cukai ke atas pendapatan
yang dikenakan bagi pihak suatu Negara Pejanji tanpa mengira cara bagaimana
cukai-cukai itu dilevi.
2. Maka hendaklah dianggap sebagai cukai-cukai ke atas pendapatan yang
dikenakan ke atas jumlah pendapatan, atau ke atas elemen-elemen pendapatan,
termasuk cukai-cukai ke atas laba dari pemberian milik harta alih atau harta tak
alih, dan cukai-cukai ke atas jumlah amaun upah atau gaji yang dibayar oleh
perusahaan-perusahaan.

3. Cukai-cukai sedia ada yang dikenakan Perjanjian ini adalah:

(a) dalam hal Negara Brunei Darussalam:

- (i) cukai pendapatan yang dikenakan di bawah Akta Cukai Pendapatan (Penggali 35); dan
- (ii) cukai keuntungan petroleum yang dikenakan di bawah Akta Cukai Pendapatan (Petroleum) (Penggali 119)

(selepas ini disebut secara bersama sebagai "cukai Negara Brunei Darussalam"); dan

(b) dalam hal Republik Filipina:

- (i) cukai ke atas individu;
- (ii) cukai ke atas perbadanan;
- (iii) cukai ke atas estet dan amanah;
- (iv) cukai pegangan ke atas pendapatan; dan
- (v) cukai transaksi saham

(selepas ini disebut secara bersama sebagai "cukai Filipina").

4. Perjanjian ini hendaklah juga dikenakan kepada sebarang cukai yang sama atau sebahagian besarnya serupa yang dikenakan selepas tarikh Perjanjian ini ditandatangani sebagai tambahan kepada, atau bagi menggantikan, cukai-cukai sedia ada yang disebut dalam perenggan 3 di atas. Pihak-pihak berkuasa yang layak di Negara-Negara Pejanji hendaklah memberitahu antara satu sama lain tentang sebarang perubahan penting yang telah dibuat dalam undang-undang percukaian mereka masing-masing dalam tempoh masa yang munasabah selepas perubahan tersebut dan memberikan salinan enakmen dan peraturan-peraturan yang berkaitan.

5. Jika disebabkan perubahan yang dibuat dalam undang-undang percukaian di salah satu Negara Pejanji, didapati wajar meminda mana-mana Perkara Perjanjian ini tanpa menyentuh prinsip amnya, pindaan perlu boleh dibuat dengan persetujuan bersama melalui pertukaran nota diplomatik atau dengan apa-apa cara lain menurut prosedur perlembagaan mereka.

Perkara 3

TAKFIRAN AM

1. Bagi maksud-maksud Perjanjian ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain:

(a) perkataan "Negara Brunei Darussalam" bermakna wilayah Negara Brunei Darussalam termasuk laut wilayahnya, tanah bawah di bawah dan ruang udara di atas wilayah tersebut, yang ke atasnya Negara Brunei Darussalam menjalankan kedaulatan, dan kawasan maritim yang melimpasi laut wilayahnya, termasuk dasar laut dan tanah bawah, yang telah atau mungkin selepas ini ditetapkan, yang ke atasnya Negara Brunei Darussalam menjalankan hak kedaulatan dan bidang kuasa menurut undang-undang Negara Brunei Darussalam sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa;

(b) perkataan "Republik Filipina" bermakna:

wilayah negara yang termasuk kepulauan Filipina, dengan semua pulau dan perairan yang diliputi di dalamnya, dan semua wilayah lain yang ke atasnya Filipina mempunyai kedaulatan atau bidang kuasa, yang terdiri daripada domain terestrial, fluvial dan aerialnya, termasuk laut wilayahnya, dasar laut, tanah bawah, paparan pulau, dan kawasan dasar laut lain. Perairan di sekitar, antara, dan yang menghubungkan pulau-pulau di kepulauan tersebut, tidak kira lebar dan dimensinya menjadi sebahagian daripada perairan dalaman Filipina;

Tiada sebarang apa pun dalam takrifan wilayah dalam Perjanjian ini patut ditafsirkan sebagai menyentuh pandangan salah satu Negara Pejanji mengenai skop wilayah atau zon maritim salah satu Negara Pejanji kecuali bagi maksud-maksud pengenaan Perjanjian ini.

(c) perkataan-perkataan "suatu Negara Pejanji" dan "Negara Pejanji yang satu lagi" bermakna Negara Brunei Darussalam atau Republik Filipina mengikut kehendak konteksnya;

(d) perkataan "cukai" bermakna cukai Negara Brunei Darussalam atau cukai Filipina yang disebut dalam perenggan 3 Perkara 2 (Cukai Yang Diliputi), mengikut kehendak konteksnya;

(e) perkataan "orang" termasuk seorang individu, suatu syarikat, suatu kumpulan orang dan mana-mana entiti lain yang disifatkan sebagai suatu entiti yang boleh dicukai di bawah undang-undang percukaian Negara Pejanji yang berkenaan;

(f) perkataan "syarikat" bermakna mana-mana syarikat, badan korporat atau mana-mana entiti lain yang disifatkan sebagai suatu syarikat di bawah undang-undang percukaian Negara Pejanji yang berkenaan;

(g) perkataan-perkataan "perusahaan suatu Negara Pejanji" dan "perusahaan Negara Pejanji yang satu lagi" masing-masing bermakna suatu perusahaan yang dijalankan oleh pemastautin suatu Negara Pejanji dan suatu perusahaan yang dijalankan oleh pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi;

(h) perkataan "rakyat" bermakna:

- (i) mana-mana individu yang memiliki taraf seorang rakyat suatu Negara Pejanji di bawah undang-undang yang dikenakan di Negara Pejanji itu; dan
- (ii) mana-mana orang di sisi undang-undang, perkongsian atau persatuan yang memperolehi tarafnya yang sedemikian itu dari undang-undang yang berkuat kuasa di suatu Negara Pejanji;

(i) perkataan "lalu lintas antarabangsa" bermakna sebarang pengangkutan dengan sebuah kapal atau pesawat udara yang dikendalikan oleh perusahaan suatu Negara Pejanji, kecuali apabila kapal atau pesawat udara itu dikendalikan hanya antara tempat-tempat di Negara Pejanji yang satu lagi;

(j) perkataan "pihak berkuasa yang layak" bermakna:

- (i) di Negara Brunei Darussalam: Menteri Kewangan dan Ekonomi atau wakilnya yang diberi kuasa;
- (ii) di Republik Filipina: Setiausaha Kewangan atau Pesuruhjaya Hasil Dalam Negeri atau wakil mereka yang diberi kuasa.

(k) perkataan "Kerajaan" termasuk mana-mana pihak berkuasa tempatan atau berkanun atau badan korporat yang dikawal atau dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan salah satu Negara-Negara Pejanji, khususnya:

(i) dalam hal Brunei Darussalam:

- (1) Autoriti Monetari Brunei Darussalam;
- (2) Agensi Pelaburan Brunei;
- (3) Lembaga Tabung Amanah Pekerja; dan
- (4) institusi sebagaimana yang mungkin dipersetujui dari semasa ke semasa antara kedua-dua Negara Pejanji.

(ii) dalam hal Republik Filipina:

- (1) Bangko Sentral ng Pilipinas;

- (2) Lembaga Pelaburan; Pihak Berkuasa Zon Eksport Filipina dan Pihak Berkuasa Zon Perusahaan dan Infrastruktur Pelancongan;
- (3) Sistem Jaminan Sosial dan Sistem Insurans Perkhidmatan Kerajaan; dan
- (4) institusi sebagaimana yang mungkin dipersetujui dari semasa ke semasa antara kedua-dua Negara Pejanji.

2. Berhubung dengan pengenaan Perjanjian ini pada bila-bila masa oleh suatu Negara Pejanji, sebarang perkataan yang tidak ditakrifkan di dalamnya hendaklah, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain, mempunyai makna yang dipunyainya pada masa itu di bawah undang-undang Negara Pejanji itu bagi maksud-maksud cukai yang dikenakan Perjanjian ini, apa-apa makna di bawah undang-undang percukaian yang dikenakan di Negara Pejanji itu mengatasi makna yang diberikan kepada perkataan itu di bawah undang-undang lain Negara Pejanji itu.

Perkara 4

PEMASTAUTIN

1. Bagi maksud-maksud Perjanjian ini, perkataan "pemastautin suatu Negara Pejanji" bermakna mana-mana orang yang, di bawah undang-undang Negara Pejanji itu, boleh dikenakan cukai di dalamnya oleh sebab domisilnya, tempat kediamannya, tempat pengurusanannya, tempat pemerbadanannya atau sebarang kriteria lain yang seumpamanya, dan juga termasuk Negara Pejanji itu dan mana-mana subbahagian politik atau pihak berkuasa tempatannya. Tetapi perkataan ini tidak termasuk mana-mana orang yang boleh dikenakan cukai di Negara Pejanji itu hanya berkaitan dengan pendapatan dari sumber-sumber di Negara Pejanji itu.

2. Jika kerana peruntukan-peruntukan perenggan 1, seorang individu menjadi pemastautin di kedua-dua Negara Pejanji, maka tarafnya hendaklah ditentukan seperti yang berikut:

(a) dia hendaklah dianggap sebagai pemastautin Negara Pejanji di mana dia mempunyai tempat kediaman tetap yang tersedia untuknya. Jika dia mempunyai tempat kediaman tetap yang tersedia untuknya di kedua-dua Negara Pejanji, dia hendaklah dianggap hanya sebagai pemastautin Negara Pejanji di mana hubungan peribadi dan ekonominya adalah lebih rapat (tumpuan kepentingan yang utama);

(b) jika Negara Pejanji di mana dia mempunyai tumpuan kepentingan yang utamanya tidak dapat ditentukan, atau jika dia tidak mempunyai tempat kediaman tetap yang tersedia untuknya di salah satu Negara Pejanji, dia

hendaklah dianggap hanya sebagai pemastautin Negara Pejanji di mana dia mempunyai tempat tinggal yang lazim;

(c) jika dia mempunyai tempat tinggal yang lazim di kedua-dua Negara Pejanji atau tidak mempunyai tempat tinggal yang lazim di salah satu Negara Pejanji, dia hendaklah dianggap hanya sebagai pemastautin Negara Pejanji di mana dia adalah rakyatnya;

(d) jika dia seorang rakyat kedua-dua Negara Pejanji atau bukan rakyat salah satu Negara Pejanji, pihak-pihak berkuasa yang layak di Negara-Negara Pejanji hendaklah menyelesaikan persoalan tersebut dengan persetujuan bersama.

3. Jika kerana peruntukan-peruntukan perenggan 1, seseorang selain daripada seseorang individu menjadi pemastautin kedua-dua Negara Pejanji, maka orang itu hendaklah dianggap sebagai pemastautin Negara Pejanji di mana kawalan dan pengurusan perniagaannya dijalankan. Jika tempat kawalan dan pengurusannya tidak dapat ditentukan, pihak-pihak berkuasa yang layak di Negara-Negara Pejanji hendaklah menyelesaikan persoalan tersebut dengan persetujuan bersama.

Perkara 5

BANGUNAN TETAP

1. Bagi maksud-maksud Perjanjian ini, perkataan "bangunan tetap" bermakna suatu tempat perniagaan tetap yang melaluinya perniagaan perusahaan itu dijalankan seluruhnya atau sebahagiannya.

2. Perkataan "bangunan tetap" termasuk terutamanya:

(a) tempat pengurusan;

(b) cawangan;

(c) pejabat;

(d) kilang;

(e) bengkel;

(f) lombong, telaga minyak atau gas, kuari atau mana-mana tempat pengeluaran atau cari gali lain sumber alam, rig penggerudian atau kapal kerja yang digunakan untuk mencari gali atau mengeksploitasi sumber alam termasuk kayu balak atau keluaran hutan lain;

(g) kebun atau perladangan;

(h) gudang, berkenaan dengan seseorang yang menyediakan kemudahan penyimpanan untuk orang lain;

(i) stor atau premis yang digunakan sebagai saluran keluar jualan;

(j) tapak bangunan, projek pembinaan, instalasi atau pemasangan atau aktiviti penyeliaan berhubung dengannya, jika tapak, projek atau aktiviti tersebut berlanjutan bagi suatu tempoh lebih dari 183 hari; dan

(k) pemberian perkhidmatan termasuk perkhidmatan perundingan oleh pemastautin salah satu Negara Pejanji melalui pekerja atau personel lain, jika aktiviti seperti itu berterusan bagi projek yang sama atau berkaitan di dalam Negara Pejanji yang satu lagi bagi suatu tempoh atau tempoh-tempoh yang berjumlah lebih daripada 183 hari dalam mana-mana tempoh dua belas bulan.

3. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan Perkara ini yang terdahulu, perkataan "bangunan tetap" hendaklah dianggap tidak termasuk:

(a) penggunaan kemudahan hanya untuk tujuan menyimpan, atau mempamerkan barang-barang atau dagangan kepunyaan perusahaan itu;

(b) penyelenggaraan suatu stok barang-barang atau dagangan kepunyaan perusahaan itu hanya untuk tujuan menyimpan atau mempamerkan;

(c) penyelenggaraan suatu stok barang-barang atau dagangan kepunyaan perusahaan itu hanya untuk tujuan memproses oleh perusahaan lain;

(d) penyelenggaraan suatu tempat perniagaan tetap hanya untuk tujuan membeli barang-barang atau dagangan, atau untuk mengumpul maklumat bagi perusahaan itu;

(e) penyelenggaraan suatu tempat perniagaan tetap hanya untuk tujuan pengiklanan, untuk pemberian maklumat, untuk penyelidikan saintifik atau untuk aktiviti seumpamanya yang bersifat persediaan atau tambahan, bagi perusahaan itu;

(f) penyelenggaraan suatu tempat perniagaan tetap hanya bagi mana-mana gabungan aktiviti yang disebutkan dalam perenggan-perenggan kecil (a) hingga (e), dengan syarat bahawa keseluruhan aktiviti tempat perniagaan tetap itu akibat dari gabungan ini adalah bersifat persediaan atau tambahan.

4. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan perenggan 1 dan 2, jika seseorang — selain daripada ejen bertaraf bebas yang dikenakan perenggan 6 — bertindak di suatu Negara Pejanji bagi pihak suatu perusahaan Negara Pejanji yang satu lagi, perusahaan itu hendaklah dianggap mempunyai suatu bangunan tetap di Negara Pejanji yang mula-mula disebutkan berkaitan dengan sebarang aktiviti yang dijalankan oleh orang itu bagi perusahaan tersebut, jika orang itu:

(a) mempunyai dan lazimnya menjalankan di Negara Pejanji itu autoriti untuk membuat kontrak atas nama perusahaan tersebut, melainkan jika aktiviti-aktiviti orang itu terhad kepada aktiviti-aktiviti yang disebutkan dalam perenggan 3 yang, jika dijalankan melalui suatu tempat perniagaan tetap tidak akan menjadikan tempat perniagaan tetap ini suatu bangunan tetap di bawah peruntukan-peruntukan perenggan itu;

(b) tidak mempunyai autoriti, tetapi lazimnya menyelenggarakan di Negara Pejanji yang mula-mula disebutkan suatu stok barang-barang atau dagangan yang daripadanya dia kerap menyerahkan barang-barang atau dagangan bagi pihak perusahaan itu; atau

(c) mengilang atau memproses di Negara Pejanji itu bagi perusahaan itu barang-barang atau dagangan kepunyaan perusahaan tersebut.

5. Suatu perusahaan insurans di suatu Negara Pejanji hendaklah, kecuali berhubung dengan insurans semula, dianggap mempunyai suatu bangunan tetap di Negara Pejanji yang satu lagi jika perusahaan insurans itu memungut premium di Negara Pejanji yang satu lagi itu atau menginsuranskan risiko yang terletak di dalamnya melalui seorang pekerja atau melalui seorang wakil yang bukan ejen bertaraf bebas dalam makna perenggan 6.

6. Perusahaan suatu Negara Pejanji tidaklah boleh dianggap mempunyai suatu bangunan tetap di Negara Pejanji yang satu lagi hanya kerana ia menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi itu melalui seorang broker, ejen komisen am atau mana-mana ejen lain yang bertaraf bebas, dengan syarat bahawa orang itu bertindak dalam perjalanan biasa perniagaan mereka. Walau bagaimanapun, apabila aktiviti-aktiviti ejen tersebut ditumpukan seluruhnya atau hampir seluruhnya bagi pihak perusahaan itu atau perusahaan bersekutunya, dia tidak akan dianggap sebagai ejen bertaraf bebas dalam makna perenggan ini.

7. Hakikat bahawa suatu syarikat yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji mengawal atau dikawal oleh suatu syarikat yang menjadi pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi, atau yang menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi itu (sama ada melalui suatu bangunan tetap atau pun selainnya), tidaklah dengan sendirinya menjadikan salah satu syarikat itu suatu bangunan tetap kepada syarikat yang satu lagi.

Perkara 6

PENDAPATAN DARI HARTA TAK ALIH

1. Pendapatan yang diperolehi oleh pemastautin suatu Negara Pejanji dari harta tak alih (termasuk pendapatan dari pertanian dan perhutanan) yang terletak di Negara Pejanji yang satu lagi boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu.

2. Perkataan "harta tak alih" hendaklah mempunyai makna yang dipunyainya di bawah undang-undang Negara Pejanji di mana harta yang berkenaan itu terletak. Perkataan tersebut hendaklah dalam sebarang hal termasuk harta tambahan kepada harta tak alih, ternakan dan kelengkapan yang digunakan dalam pertanian, perhutanan dan perikanan, hak-hak yang dikenakan peruntukan-peruntukan undang-undang am berkaitan dengan harta tanah, usufuk harta tak alih dan hak-hak mendapat bayaran berubah atau tetap dalam bentuk wang tunai atau barang-barang sebagai balasan kerana mengerjakan, atau hak untuk mengerjakan, longgokan galian, sumber dan sumber alam yang lain; kapal, bot dan pesawat udara tidaklah boleh dianggap sebagai harta tak alih.

3. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 hendaklah dikenakan kepada pendapatan yang diperolehi dari penggunaan langsung, penyewaan atau penggunaan dalam sebarang bentuk lain harta tak alih.

4. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 dan 3 hendaklah juga dikenakan kepada pendapatan dari harta tak alih suatu perusahaan dan pendapatan dari harta tak alih yang digunakan bagi pelaksanaan perkhidmatan persendirian bebas.

Perkara 7

KEUNTUNGAN PERNIAGAAN

1. Keuntungan perusahaan suatu Negara Pejanji hanya boleh dicukai di Negara Pejanji itu melainkan jika perusahaan tersebut menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi melalui suatu bangunan tetap yang terletak di dalamnya. Jika perusahaan tersebut menjalankan perniagaan sebagaimana yang disebutkan di atas, keuntungan perusahaan tersebut boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi tetapi hanya sebanyak mana darinya yang boleh dikaitkan dengan —

(a) bangunan tetap itu;

(b) penjualan di Negara Pejanji yang satu lagi itu barang-barang atau dagangan yang sama atau serupa jenisnya dengan barang-barang atau dagangan yang dijual melalui bangunan tetap itu; atau

(c) aktiviti-aktiviti perniagaan lain yang dijalankan di Negara Pejanji yang satu lagi itu yang sama atau serupa jenisnya dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan melalui bangunan tetap itu.

2. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan perenggan 3, jika perusahaan suatu Negara Pejanji menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi melalui suatu bangunan tetap yang terletak di dalamnya, maka hendaklah di tiap-tiap Negara Pejanji dikaitkan dengan bangunan tetap itu keuntungan yang dijangka mungkin dibuat olehnya jika ia adalah perusahaan berlainan dan berasingan yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang sama atau serupa di bawah

syarat-syarat yang sama atau serupa dan berurusan dengan penuh kebebasan dengan perusahaan itu yang merupakan suatu bangunan tetap.

3. Dalam menentukan keuntungan suatu bangunan tetap, maka hendaklah dibenarkan sebagai potongan perbelanjaan yang dilakukan bagi maksud-maksud perniagaan bangunan tetap itu termasuk perbelanjaan eksekutif dan pentadbiran am yang dilakukan demikian, sama ada di Negara Pejanji di mana bangunan tetap itu terletak atau di tempat lain, tetapi ini tidak termasuk apa-apa perbelanjaan yang di bawah undang-undang Negara Pejanji itu tidak akan dibenarkan untuk dipotong oleh suatu perusahaan Negara Pejanji itu.

4. Setakat mana telah menjadi kelaziman di suatu Negara Pejanji untuk menentukan keuntungan yang hendak dikaitkan dengan suatu bangunan tetap berasaskan kepada pembahagian jumlah keuntungan perusahaan itu kepada beberapa bahagiannya, tiada sebarang apa pun dalam perenggan 2 boleh menghalang Negara Pejanji itu dari menentukan keuntungan yang akan dicukai mengikut pembahagian yang mungkin menjadi kelaziman; kaedah pembahagian yang diterima-pakai hendaklah, walau bagaimanapun, sebegitu rupa sehingga hasilnya adalah menurut prinsip-prinsip yang terkandung dalam Perkara ini.

5. Bagi maksud perenggan-perenggan yang terdahulu, keuntungan yang hendak dikaitkan dengan bangunan tetap itu hendaklah ditentukan dengan kaedah yang sama dari setahun ke setahun melainkan jika terdapat sebab yang baik dan mencukupi sebaliknya.

6. Jika keuntungan termasuk butiran pendapatan yang diuruskan secara berasingan dalam Perkara lain Perjanjian ini, maka peruntukan-peruntukan Perkara tersebut tidak akan terjejas oleh peruntukan-peruntukan Perkara ini.

7. Keuntungan tidaklah boleh dikaitkan dengan suatu bangunan tetap hanya kerana bangunan tetap itu membeli barang-barang atau dagangan bagi perusahaan tersebut.

Perkara 8

PERKAPALAN DAN PENGANGKUTAN UDARA

1. Keuntungan yang diperolehi oleh perusahaan suatu Negara Pejanji dari pengendalian kapal atau pesawat udara dalam lalu lintas antarabangsa hendaklah dicukai di Negara Pejanji itu.

2. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan perenggan 1, keuntungan dari sumber-sumber di dalam suatu Negara Pejanji yang diperolehi oleh suatu perusahaan Negara Pejanji yang satu lagi dari pengendalian kapal atau pesawat udara dalam lalu lintas antarabangsa boleh dicukai di Negara Pejanji yang mula-mula disebutkan tetapi cukai yang dikenakan itu tidaklah boleh melebihi jumlah yang kurang daripada:

(a) satu setengah (1½) peratus daripada hasil kasar yang diperolehi dari sumber-sumber di Negara Pejanji itu; dan

(b) kadar terendah yang mungkin dikenakan oleh Republik Filipina ke atas keuntungan yang sama jenisnya yang diperolehi di bawah hal keadaan yang serupa oleh pemastautin Negara ketiga.

3. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 Perkara ini hendaklah juga dikenakan kepada keuntungan yang diperolehi dari penyertaan dalam kumpulan, perniagaan bersama atau sebarang bentuk agensi pengendalian antarabangsa oleh perusahaan-perusahaan yang terlibat dalam pengendalian kapal atau pesawat udara dalam lalu lintas antarabangsa.

4. Bagi maksud-maksud Perkara ini, keuntungan yang diperolehi dari Negara Pejanji yang satu lagi bermakna keuntungan daripada pengangkutan penumpang, mel, ternakan atau barang-barang yang dihantar, atau dimuatkan ke dalam kapal atau pesawat udara di Negara Pejanji itu (tidak termasuk keuntungan yang terakru daripada penumpang, mel, ternakan atau barang-barang yang dibawa ke Negara Pejanji yang satu lagi itu semata-mata untuk dipindahkapalkan, atau bagi pemindahan dari sebuah pesawat udara ke pesawat udara lain atau dari sebuah pesawat udara ke sebuah kapal atau dari sebuah kapal ke sebuah pesawat udara).

Perkara 9

PERUSAHAAN BERSEKUTU

1. Jika —

(a) perusahaan suatu Negara Pejanji menyertai secara langsung atau tidak langsung dalam pengurusan, kawalan atau modal perusahaan Negara Pejanji yang satu lagi, atau

(b) orang yang sama menyertai secara langsung atau tidak langsung dalam pengurusan, kawalan atau modal perusahaan suatu Negara Pejanji dan perusahaan Negara Pejanji yang satu lagi, dan dalam salah satu hal syarat-syarat dibuat atau dikenakan antara kedua-dua perusahaan itu, dalam hubungan perdagangan atau kewangan mereka, yang berlainan dari syarat-syarat yang akan dibuat antara perusahaan-perusahaan bebas, maka sebarang keuntungan yang, jika tidak kerana syarat-syarat tersebut, sepatutnya terakru kepada salah satu perusahaan itu tetapi disebabkan oleh syarat-syarat tersebut, tidak terakru demikian, boleh dimasukkan dalam keuntungan perusahaan itu dan dicukai dengan sewajarnya.

2. Jika suatu Negara Pejanji memasukkan dalam keuntungan perusahaan Negara Pejanji itu — dan mengenakan cukai dengan sewajarnya — keuntungan yang atasnya perusahaan Negara Pejanji yang satu lagi telah dikenakan cukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu dan keuntungan yang dimasukkan itu adalah

keuntungan yang sepatutnya terakru kepada perusahaan Negara Pejanji yang mula-mula disebutkan jika syarat-syarat yang dibuat antara kedua-dua perusahaan itu adalah syarat-syarat yang sepatutnya dibuat antara perusahaan-perusahaan bebas, maka Negara Pejanji yang satu lagi itu hendaklah membuat suatu pelarasan yang bersesuaian kepada amaun cukai yang dikenakan di dalamnya atas keuntungan tersebut. Dalam menentukan pelarasan tersebut, perhatian yang sewajarnya hendaklah diberikan kepada peruntukan-peruntukan lain Perjanjian ini dan pihak-pihak berkuasa yang layak di Negara-Negara Pejanji hendaklah, jika perlu, berunding antara satu sama lain.

3. Suatu Negara Pejanji tidaklah boleh mengubah keuntungan suatu perusahaan dalam hal keadaan yang disebut dalam perenggan 2 selepas tamatnya tempoh had masa yang diperuntukkan dalam undang-undang percukaianya. Perenggan ini tidaklah boleh dikenakan dalam hal fraud, keingkaran atau kecuaiian sengaja.

Perkara 10

DIVIDEN

1. Dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji kepada pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu.

2. Walau bagaimanapun, dividen tersebut boleh juga dicukai di Negara Pejanji di mana syarikat yang membayar dividen tersebut menjadi pemastautin dan menurut undang-undang Negara Pejanji itu, tetapi jika pemilik benefisial dividen itu menjadi pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi, cukai yang dikenakan itu tidaklah boleh melebihi:

(a) sepuluh (10) peratus daripada amaun kasar dividen itu jika pemilik benefisial adalah suatu syarikat (tidak termasuk perkongsian) yang memegang secara langsung sekurang-kurangnya 10 peratus daripada modal syarikat pembayar; dan

(b) lima belas (15) peratus daripada amaun kasar dividen itu dalam semua hal lain.

Perenggan ini tidaklah menjejaskan pencukaaian syarikat itu berkaitan dengan keuntungan yang darinya dividen tersebut dibayar.

3. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan perenggan 2, dividen yang diperolehi di suatu Negara Pejanji dan dibayar kepada Kerajaan Negara Pejanji yang satu lagi hendaklah dikecualikan dari cukai di Negara Pejanji yang mula-mula disebutkan.

4. Perkataan "dividen" sebagaimana yang digunakan dalam Perkara ini bermakna pendapatan dari saham-saham, saham-saham "jouissance" atau hak-hak "jouissance", saham-saham perlombongan, saham-saham pengasas atau hak-hak lain, bukannya tuntutan hutang, penyertaan dalam keuntungan, dan juga pendapatan dari hak-hak korporat lain yang tertakluk kepada layanan pencukaian yang sama seperti pendapatan dari saham-saham menurut undang-undang Negara Pejanji di mana syarikat yang membuat pengagihan itu menjadi pemastautin.

5. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 dan 2 tidaklah boleh dikenakan jika pemilik benefisial dividen itu, yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji, menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi di mana syarikat yang membayar dividen itu menjadi pemastautin, melalui suatu bangunan tetap yang terletak di dalamnya, atau menjalankan di Negara Pejanji yang satu lagi itu perkhidmatan persendirian bebas dari suatu pusat operasi tetap yang terletak di dalamnya, dan pemegangan yang berkaitan dengannya dividen itu dibayar pada hakikatnya berhubungan dengan bangunan tetap atau pusat operasi tetap itu. Dalam hal tersebut peruntukan-peruntukan Perkara 7 (Keuntungan Perniagaan) atau Perkara 14 (Perkhidmatan Persendirian Bebas), mengikut mana yang berkenaan, hendaklah dikenakan.

6. Jika suatu syarikat yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji memperoleh keuntungan atau pendapatan dari Negara Pejanji yang satu lagi, maka Negara Pejanji yang satu lagi itu tidak boleh mengenakan sebarang cukai ke atas dividen yang dibayar oleh syarikat itu kecuali setakat mana dividen itu dibayar kepada pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi itu atau setakat mana pemegangan yang berkaitan dengannya dividen itu dibayar pada hakikatnya berhubungan dengan suatu bangunan tetap atau suatu pusat operasi tetap yang terletak di Negara Pejanji yang satu lagi itu, atau tidak boleh menjadikan keuntungan yang tidak diagihkan syarikat itu tertakluk kepada cukai ke atas keuntungan yang tidak diagihkan syarikat itu, walaupun dividen yang dibayar atau keuntungan yang tidak diagihkan itu mengandungi seluruhnya atau sebahagiannya dari keuntungan atau pendapatan yang terbit di Negara Pejanji yang satu lagi itu.

7. Tiada sebarang apa pun dalam Perkara ini boleh menghalang salah satu Negara Pejanji dari mengenakan, selain daripada cukai pendapatan korporat, cukai ke atas pengiriman keuntungan oleh cawangan kepada ibu pejabatnya dengan syarat bahawa cukai yang dikenakan itu tidaklah boleh melebihi jumlah yang kurang daripada:

(a) sepuluh (10) peratus daripada amaun yang dikirimkan; dan

(b) kadar terendah yang mungkin dikenakan oleh Republik Filipina ke atas pengiriman keuntungan di bawah hal keadaan yang serupa oleh pemastautin Negara ketiga.

Perkara 11

FAEDAH

1. Faedah yang terbit di suatu Negara Pejanji dan dibayar kepada pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu.

2. Walau bagaimanapun, faedah tersebut boleh juga dicukai di Negara Pejanji di mana faedah itu terbit, dan menurut undang-undang Negara Pejanji itu, tetapi jika pemilik benefisial faedah itu menjadi pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi, cukai yang dikenakan itu tidaklah boleh melebihi:

(a) sepuluh (10) peratus daripada amaun kasar faedah ke atas terbitan awam bon, debentur atau obligasi seumpamanya; dan

(b) lima belas (15) peratus dalam semua hal lain.

3. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan perenggan 2, faedah yang terbit di suatu Negara Pejanji dan dibayar kepada Kerajaan Negara Pejanji yang satu lagi hendaklah dikecualikan dari cukai di Negara Pejanji yang mula-mula disebutkan.

4. Perkataan "faedah" sebagaimana yang digunakan dalam Perkara ini bermakna pendapatan dari setiap jenis tuntutan hutang, sama ada atau tidak bercagarkan dengan gadai janji dan sama ada atau tidak mempunyai hak untuk menyertai dalam keuntungan penghutang, dan khususnya, pendapatan dari sekuriti kerajaan dan pendapatan dari bon atau debentur, termasuk premium dan prize yang dikenakan kepada sekuriti, bon atau debentur tersebut, dan juga pendapatan yang diserapkan kepada pendapatan dari wang yang dipinjamkan menurut undang-undang percukaian Negara Pejanji di mana pendapatan itu terbit termasuk faedah ke atas jualan pembayaran tertunda. Bayaran penalti kerana lambat membayar tidaklah boleh dianggap sebagai faedah bagi maksud Perkara ini.

5. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 dan 2 tidaklah boleh dikenakan jika pemilik benefisial faedah itu, yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji, menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi di mana faedah itu terbit, melalui suatu bangunan tetap yang terletak di dalamnya, atau menjalankan di Negara Pejanji yang satu lagi itu perkhidmatan persendirian bebas dari suatu pusat operasi tetap yang terletak di dalamnya, dan tuntutan hutang yang berkaitan dengannya faedah itu dibayar pada hakikatnya berhubungan dengan bangunan tetap atau pusat operasi tetap itu. Dalam hal tersebut, peruntukan-peruntukan Perkara 7 (Keuntungan Perniagaan) atau Perkara 14 (Perkhidmatan Persendirian Bebas), mengikut mana yang berkenaan, hendaklah dikenakan.

6. Faedah hendaklah dianggap terbit di suatu Negara Pejanji jika pembayarannya adalah pemastautin Negara Pejanji itu. Jika, walau bagaimanapun, orang yang membayar faedah itu, sama ada dia menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji atau tidak, mempunyai di suatu Negara Pejanji suatu bangunan tetap atau suatu pusat operasi tetap yang berhubung dengannya keberhutangan yang atasnya faedah itu dibayar telah ditanggung, dan faedah itu ditanggung oleh bangunan tetap atau pusat operasi tetap tersebut, maka faedah itu hendaklah dianggap terbit di Negara Pejanji di mana bangunan tetap atau pusat operasi tetap tersebut terletak.

7. Jika, kerana hubungan istimewa antara pembayar dengan pemilik benefisial atau antara mereka berdua dengan seseorang yang lain, amaun faedah itu, dengan mengambil kira tuntutan hutang yang baginya faedah itu dibayar, melebihi amaun yang mungkin telah dipersetujui oleh pembayar dan pemilik benefisial sekiranya hubungan sedemikian tidak ada, peruntukan-peruntukan Perkara ini hendaklah dikenakan hanya kepada amaun yang terakhir disebutkan itu. Dalam hal tersebut, bahagian bayaran yang berlebihan itu hendaklah kekal dicukai mengikut undang-undang setiap Negara Pejanji, dengan memberi perhatian yang sewajarnya kepada peruntukan-peruntukan lain Perjanjian ini.

Perkara 12

ROYALTI

1. Royalti yang terbit di suatu Negara Pejanji dan dibayar kepada pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu.

2. Walau bagaimanapun, royalti tersebut boleh juga dicukai di Negara Pejanji di mana ia terbit, dan mengikut undang-undang Negara Pejanji itu, tetapi, jika penerimanya adalah pemilik benefisial royalti tersebut, cukai yang dikenakan itu tidaklah boleh melebihi sepuluh (10) peratus daripada amaun kasar royalti tersebut.

3. Perkataan "royalti" sebagaimana yang digunakan dalam Perkara ini bermakna sebarang jenis bayaran yang diterima sebagai balasan kerana menggunakan, atau hak untuk menggunakan, sebarang hakcipta ke atas karya sastera, seni atau saintifik, termasuk filem sinematograf atau pita untuk televisyen atau siaran, sebarang paten, tanda perniagaan, reka bentuk atau model, pelan, formula atau proses rahsia, atau untuk maklumat berhubung dengan pengalaman perindustrian atau saintifik.

4. Royalti hendaklah dianggap terbit di suatu Negara Pejanji jika pembayarannya adalah Negara Pejanji itu sendiri, pihak berkuasa tempatan atau pemastautin Negara Pejanji itu. Jika, walau bagaimanapun, orang yang membayar royalti itu, sama ada dia menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji atau tidak, mempunyai di Negara Pejanji itu suatu bangunan tetap atau suatu pusat operasi tetap yang

berhubung dengannya liabiliti untuk membayar royalti itu telah ditanggung, dan royalti itu ditanggung oleh bangunan tetap atau pusat operasi tetap tersebut, maka royalti itu hendaklah dianggap terbit di Negara Pejanji itu di mana bangunan tetap atau pusat operasi tetap tersebut terletak.

5. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 dan 2 Perkara ini tidaklah boleh dikenakan jika pemilik benefisial royalti itu, yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji, menjalankan perniagaan di Negara Pejanji yang satu lagi di mana royalti itu terbit, melalui suatu bangunan tetap yang terletak di dalamnya, atau menjalankan di Negara Pejanji yang satu lagi itu perkhidmatan persendirian bebas dari suatu pusat operasi tetap yang terletak di dalamnya, dan hak atau harta yang berkaitan dengannya royalti itu dibayar, pada hakikatnya berhubungan dengan bangunan tetap atau pusat operasi tetap itu. Dalam hal tersebut, peruntukan-peruntukan Perkara 7 (Keuntungan Perniagaan) atau Perkara 14 (Perkhidmatan Persendirian Bebas), mengikut mana yang berkenaan, hendaklah dikenakan.

6. Jika, kerana hubungan istimewa antara pembayar dengan penerima atau antara mereka berdua dengan seseorang yang lain, amaun royalti yang dibayar itu, dengan mengambil kira penggunaan, hak atau maklumat yang baginya royalti itu dibayar, melebihi amaun yang mungkin telah dipersetujui oleh pembayar dan penerima sekiranya hubungan sedemikian tidak ada, peruntukan-peruntukan Perkara ini hendaklah dikenakan hanya kepada amaun yang terakhir disebutkan itu. Dalam hal tersebut, bahagian bayaran yang berlebihan itu boleh terus dicukai mengikut undang-undang setiap Negara Pejanji, dengan memberi perhatian yang sewajarnya kepada peruntukan-peruntukan lain Perjanjian ini.

Perkara 13

LABA MODAL

1. Laba yang diperolehi oleh pemastautin suatu Negara Pejanji daripada pemberian milik harta tak alih yang disebut dalam Perkara 6 (Pendapatan dari Harta Tak Alih) dan terletak di Negara Pejanji yang satu lagi boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu.

2. Laba daripada pemberian milik harta alih yang menjadi sebahagian dari harta perniagaan suatu bangunan tetap yang dipunyai oleh perusahaan suatu Negara Pejanji di Negara Pejanji yang satu lagi atau harta alih yang berkaitan dengan suatu pusat operasi tetap yang tersedia untuk pemastautin suatu Negara Pejanji di Negara Pejanji yang satu lagi bagi tujuan menjalankan perkhidmatan persendirian bebas, termasuk laba daripada pemberian milik bangunan tetap tersebut (bersendirian atau bersama dengan keseluruhan perusahaan itu) atau pusat operasi tetap tersebut, boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu.

3. Laba yang diperolehi oleh perusahaan suatu Negara Pejanji daripada pemberian milik kapal atau pesawat udara yang dikendalikan dalam lalu lintas

antarabangsa atau harta alih yang berkaitan dengan pengendalian kapal atau pesawat udara tersebut, hanya boleh dicukai di Negara Pejanji itu.

4. Laba daripada pemberian milik saham-saham suatu syarikat, yang hartanya terdiri terutamanya daripada harta tak alih yang terletak di suatu Negara Pejanji, boleh dicukai di Negara Pejanji itu. Laba daripada pemberian milik suatu kepentingan ke atas suatu perkongsian atau suatu amanah, yang hartanya terdiri terutamanya daripada harta tak alih yang terletak di suatu Negara Pejanji, boleh dicukai di Negara Pejanji itu.

5. Laba daripada pemberian milik mana-mana harta, selain dari yang disebutkan dalam perenggan-perenggan 1, 2 dan 4, hanya boleh dicukai di Negara Pejanji di mana pemberi milik menjadi pemastautin.

Perkara 14

PERKHIDMATAN PERSENDIRIAN BEBAS

1. Pendapatan yang diperolehi oleh pemastautin suatu Negara Pejanji berkaitan dengan perkhidmatan profesional atau aktiviti lain yang bersifat bebas hanya boleh dicukai di Negara Pejanji itu melainkan jika dia mempunyai suatu pusat operasi tetap yang biasanya tersedia untuknya di Negara Pejanji yang satu lagi bagi tujuan menjalankan aktiviti-aktivitinya atau dia berada di Negara Pejanji yang satu lagi itu selama suatu tempoh atau tempoh-tempoh yang pada keseluruhannya melebihi 183 hari dalam mana-mana tempoh dua belas bulan. Jika dia mempunyai pusat operasi tetap tersebut atau tinggal di Negara Pejanji yang satu lagi itu selama tempoh atau tempoh-tempoh yang disebutkan di atas, pendapatan tersebut boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu tetapi hanya sebanyak mana daripadanya yang boleh dikaitkan dengan pusat operasi tetap itu atau diperolehi di Negara Pejanji yang satu lagi itu dalam tempoh atau tempoh-tempoh yang disebutkan di atas.

2. Perkataan "perkhidmatan profesional" termasuk aktiviti-aktiviti bebas saintifik, kesusasteraan, kesenian, pendidikan atau pengajaran dan juga aktiviti-aktiviti bebas pakar perubatan, peguam, jurutera, arkitek, doktor gigi dan akauntan.

Perkara 15

PERKHIDMATAN PERSENDIRIAN TIDAK BEBAS

1. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perkara 16 (Bayaran Pengarah), Perkara 18 (Pencen dan Manfaat Jaminan Sosial), Perkara 19 (Perkhidmatan Kerajaan), Perkara 20 (Pelajar dan Pelatih) dan Perkara 21 (Profesor, Guru dan Penyelidik), gaji, upah dan ganjaran atau pendapatan lain yang seumpamanya bagi perkhidmatan persendirian yang diperolehi oleh pemastautin suatu Negara Pejanji berkaitan dengan suatu pekerjaan hanya boleh dicukai di Negara Pejanji

itu, melainkan jika perkhidmatan itu dijalankan di Negara Pejanji yang satu lagi. Jika perkhidmatan itu dijalankan demikian, ganjaran atau pendapatan yang diperolehi daripadanya boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu.

2. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan perenggan 1, ganjaran atau pendapatan yang diperolehi oleh pemastautin suatu Negara Pejanji berkaitan dengan suatu pekerjaan yang dijalankan di Negara Pejanji yang satu lagi hendaklah dikecualikan daripada cukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu jika —

(a) penerimanya berada di Negara Pejanji yang satu lagi selama suatu tempoh atau tempoh-tempoh yang pada keseluruhannya tidak melebihi 183 hari dalam mana-mana tempoh dua belas bulan, dan

(b) ganjaran atau pendapatan itu dibayar oleh, atau bagi pihak, seseorang yang menjadi pemastautin Negara Pejanji yang mula-mula disebutkan itu, dan

(c) ganjaran atau pendapatan itu tidak ditanggung oleh suatu bangunan tetap atau suatu pusat operasi tetap yang dipunyai oleh orang itu di Negara Pejanji yang satu lagi.

3. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan Perkara ini yang terdahulu, ganjaran yang diperolehi berkaitan dengan suatu pekerjaan yang dijalankan di dalam sebuah kapal atau pesawat udara yang dikendalikan dalam lalu lintas antarabangsa oleh perusahaan suatu Negara Pejanji hanya boleh dicukai di Negara Pejanji itu.

Perkara 16

BAYARAN PENGARAH

1. Bayaran pengarah dan bayaran seumpamanya yang diperolehi oleh pemastautin suatu Negara Pejanji atas sifatnya sebagai seorang ahli lembaga pengarah suatu syarikat yang menjadi pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu.

2. Ganjaran yang diperolehi oleh seseorang yang dikenakan perenggan 1 dari syarikat itu berkaitan dengan pelaksanaan tugas-tugas harian yang bersifat pengurusan atau teknikal hendaklah dicukai menurut peruntukan-peruntukan Perkara 15 (Perkhidmatan Persendirian Tidak Bebas).

Perkara 17

ARTIS DAN AHLI SUKAN

1. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan Perkara 14 (Perkhidmatan Persendirian Bebas) dan Perkara 15 (Perkhidmatan Persendirian Tidak Bebas), pendapatan yang diperolehi oleh pemastautin suatu Negara Pejanji

sebagai penghibur, seperti artis teater, wayang gambar, radio atau televisyen, atau pemuzik, atau sebagai ahli sukan, daripada aktiviti-aktiviti persendirian yang sedemikian yang dijalankan di Negara Pejanji yang satu lagi, boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu.

2. Jika pendapatan berkaitan dengan aktiviti-aktiviti persendirian seorang penghibur atau ahli sukan atas sifatnya yang sedemikian terakru bukan kepada penghibur atau ahli sukan itu sendiri tetapi kepada orang lain, pendapatan tersebut boleh, dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan Perkara 7 (Keuntungan Perniagaan), Perkara 14 (Perkhidmatan Persendirian Bebas) dan Perkara 15 (Perkhidmatan Persendirian Tidak Bebas), dicukai di Negara Pejanji di mana aktiviti-aktiviti penghibur atau ahli sukan itu dijalankan.

3. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan perenggan 1 dan 2 Perkara ini, pendapatan yang diperolehi berkaitan dengan aktiviti-aktiviti yang disebut dalam perenggan 1 Perkara ini dalam rangka program pertukaran budaya atau sukan yang dipersetujui oleh kedua-dua Negara Pejanji, yang sebahagian besarnya ditanggung melalui dana awam atau diiktiraf dan diendors secara rasmi oleh suatu Negara Pejanji, hendaklah dikecualikan dari cukai di Negara Pejanji di mana aktiviti-aktiviti itu dijalankan.

Perkara 18

PENCEN DAN MANFAAT JAMINAN SOSIAL

1. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan perenggan 2 Perkara 19 (Perkhidmatan Kerajaan), pencen dan ganjaran lain yang seumpamanya yang dibayar kepada pemastautin suatu Negara Pejanji sebagai balasan bagi pekerjaan lampau hanya boleh dicukai di Negara Pejanji itu.

2. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan perenggan 1 Perkara ini dan perenggan 2 Perkara 19 (Perkhidmatan Kerajaan), manfaat yang diterima oleh seorang individu, yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji di bawah undang-undang jaminan sosial Negara Pejanji yang satu lagi hanya boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu.

Perkara 19

PERKHIDMATAN KERAJAAN

1. (a) Ganjaran, termasuk manfaat selain dari pencen, yang dibayar oleh suatu Negara Pejanji, pihak berkuasa tempatan atau Kerajaan kepada seseorang individu berkaitan dengan perkhidmatan yang diberikan kepada Negara Pejanji itu, pihak berkuasa atau Kerajaan hanya boleh dicukai di Negara Pejanji itu.

(b) Walau bagaimanapun ganjaran itu hanya boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi jika perkhidmatan tersebut diberikan di Negara Pejanji yang satu lagi itu dan penerimanya adalah pemastautin Negara Pejanji itu yang:

- (i) menjadi rakyat Negara Pejanji itu; atau
- (ii) tidak menjadi pemastautin Negara Pejanji itu semata-mata bagi maksud memberikan perkhidmatan tersebut.

2. (a) Sebarang pencen yang dibayar oleh, atau daripada dana yang diwujudkan oleh, suatu Negara Pejanji atau pihak berkuasa tempatannya kepada seseorang individu berkaitan dengan perkhidmatan yang diberikan kepada Negara Pejanji itu atau pihak berkuasanya hanya boleh dicukai di Negara Pejanji itu.

(b) Walau bagaimanapun, pencen tersebut hanya boleh dicukai di Negara Pejanji yang satu lagi jika penerimanya menjadi pemastautin dan rakyat Negara Pejanji yang satu lagi itu.

3. Peruntukan-peruntukan Perkara 15 (Perkhidmatan Persendirian Tidak Bebas), Perkara 16 (Bayaran Pengarah), Perkara 17 (Artis dan Ahli Sukan) dan Perkara 18 (Pencen dan Manfaat Jaminan Sosial) hendaklah dikenakan kepada ganjaran dan pencen berkaitan dengan perkhidmatan yang diberikan berhubung dengan suatu perniagaan yang dijalankan oleh suatu Negara Pejanji atau pihak berkuasa tempatannya.

Perkara 20

PELAJAR DAN PELATIH

1. Seseorang individu yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji sejurus sebelum membuat lawatan ke Negara Pejanji yang satu lagi dan berada sementara di Negara Pejanji yang satu lagi itu semata-mata:

(a) sebagai seorang pelajar di sebuah universiti, kolej atau sekolah yang diiktiraf di Negara Pejanji yang satu lagi itu;

(b) sebagai seorang penerima geran, elaun atau award bagi maksud utama kajian atau penyelidikan daripada suatu organisasi kerajaan, agama, khairat, saintifik, kesusasteraan atau pendidikan; atau

(c) sebagai seorang perantis perniagaan atau teknikal,

hendaklah dikecualikan dari cukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu berkaitan dengan —

- (i) semua pengiriman wang dari luar negeri bagi maksud-maksud nafkah, pendidikan, kajian, penyelidikan atau latihannya;
- (ii) geran, elaun atau award tersebut; dan
- (iii) sebarang ganjaran bagi perkhidmatan persendirian yang diberikan di Negara Pejanji yang satu lagi itu bagi suatu tempoh yang jumlahnya tidak melebihi empat tahun dari tarikhnya mula-mula tiba dengan tujuan untuk menambah sumber-sumber yang tersedia ada untuknya bagi maksud-maksud tersebut.

2. Seseorang individu yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji sejurus sebelum melawat Negara Pejanji yang satu lagi dan berada sementara di Negara Pejanji yang satu lagi itu semata-mata sebagai seorang pelatih bagi maksud memperoleh pengalaman teknikal, profesional atau perniagaan, hendaklah bagi suatu tempoh tidak melebihi empat tahun dari tarikhnya mula-mula tiba di Negara Pejanji yang satu lagi itu berhubung dengan lawatan itu dikecualikan dari cukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu berkaitan dengan —

(a) semua pengiriman wang dari luar negeri bagi maksud-maksud nafkah atau latihannya; dan

(b) sebarang ganjaran bagi perkhidmatan persendirian yang diberikan di Negara Pejanji yang satu lagi itu, dengan syarat, perkhidmatan tersebut adalah berhubung dengan latihannya atau bersampingan dengannya.

Perkara 21

PROFESOR, GURU DAN PENYELIDIK

Seseorang individu yang menjadi pemastautin suatu Negara Pejanji sejurus sebelum membuat lawatan ke Negara Pejanji yang satu lagi, dan yang, atas jemputan mana-mana universiti, kolej, sekolah atau institusi pendidikan lain yang seumpamanya, yang diiktiraf oleh pihak berkuasa yang layak di Negara Pejanji yang satu lagi itu, melawat Negara Pejanji yang satu lagi itu selama suatu tempoh tidak melebihi empat tahun semata-mata untuk tujuan mengajar atau menyelidik atau kedua-duanya di institusi pendidikan tersebut hendaklah dikecualikan dari cukai di Negara Pejanji yang satu lagi itu atas ganjarannya bagi pengajaran atau penyelidikan tersebut.

Perkara 22

PENDAPATAN LAIN

Butiran pendapatan pemastautin suatu Negara Pejanji, di mana sahaja terbit, yang tidak diuruskan dalam Perkara-Perkara Perjanjian ini yang tersebut di atas hanya boleh dicukai di Negara Pejanji itu.

Perkara 23

PENGHAPUSAN CUKAI DUA KALI

1. Cukai dua kali hendaklah dihapuskan seperti yang berikut:

(a) Dalam hal Negara Brunei Darussalam,

Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan undang-undang Negara Brunei Darussalam berhubung dengan pemberian sebagai kredit terhadap cukai Negara Brunei Darussalam bagi cukai yang dibayar di suatu wilayah di luar Negara Brunei Darussalam (yang tidak akan menjejaskan prinsip am Perkara ini), cukai Filipina yang dibayar di bawah undang-undang Filipina dan menurut Perjanjian ini, sama ada secara langsung atau melalui potongan, ke atas keuntungan atau pendapatan daripada sumber di dalam Republik Filipina hendaklah diberikan sebagai kredit terhadap sebarang cukai Negara Brunei Darussalam yang dihitung dengan merujuk kepada keuntungan atau pendapatan yang sama yang atasnya cukai Filipina dihitung.

(b) Dalam hal Republik Filipina,

Tertakluk kepada undang-undang Filipina berhubung dengan kredit cukai yang dibayar di luar Republik Filipina, cukai yang kena dibayar di Negara Brunei Darussalam berkaitan dengan pendapatan atau keuntungan yang diperolehi di Negara Brunei Darussalam hendaklah diberikan sebagai kredit terhadap sebarang cukai yang kena dibayar di Republik Filipina berkaitan dengan pendapatan atau keuntungan itu. Kredit tersebut tidaklah boleh, walau bagaimanapun, melebihi bahagian cukai yang kena dibayar di Republik Filipina yang dihitung sebelum kredit itu diberikan, yang bersesuaian dengan butiran pendapatan atau keuntungan tersebut.

2. Bagi maksud pemberian sebagai kredit di suatu Negara Pejanji, cukai yang dibayar di Negara Pejanji yang satu lagi hendaklah dianggap termasuk cukai yang sebaliknya kena dibayar di Negara Pejanji yang satu lagi itu tetapi telah dikurangkan atau dikecualikan menurut undang-undang galakan khas yang dirancang untuk menggalakkan perkembangan ekonomi di Negara Pejanji yang satu lagi itu. Peruntukan perenggan ini hendaklah berkuat kuasa hanya bagi tempoh sepuluh (10) tahun bermula dari tarikh Perjanjian ini berkuat kuasa.

Perkara 24

TIDAK BERDISKRIMINASI

1. Rakyat suatu Negara Pejanji tidaklah boleh tertakluk di Negara Pejanji yang satu lagi kepada sebarang pencukaian atau sebarang kehendak berhubung dengannya, yang berlainan atau lebih membebankan dari pencukaian dan

kehendak-kehendak berkaitan yang kepadanya rakyat Negara Pejanji yang satu lagi itu dalam hal keadaan yang sama, tertakluk atau mungkin tertakluk.

2. Pencukaian ke atas suatu bangunan tetap yang dipunyai oleh perusahaan suatu Negara Pejanji di Negara Pejanji yang satu lagi tidaklah boleh dikenakan di Negara Pejanji yang satu lagi itu kurang baiknya dari pencukaian yang dikenakan ke atas perusahaan-perusahaan Negara Pejanji yang satu lagi itu yang menjalankan aktiviti-aktiviti yang sama. Peruntukan ini tidaklah boleh ditafsirkan sebagai mewajibkan suatu Negara Pejanji untuk memberi kepada pemastautin-pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi sebarang potongan, pelepasan dan pengurangan diri untuk tujuan pencukaian disebabkan oleh taraf sivil atau tanggungjawab keluarga yang diberikannya kepada pemastautin-pemastautinnya sendiri.

3. Kecuali jika peruntukan-peruntukan perenggan 1 Perkara 9 (Perusahaan Bersekutu), perenggan 7 Perkara 11 (Faedah), atau perenggan 6 Perkara 12 (Royalti) dikenakan, faedah, royalti dan pembayaran lain yang dibuat oleh perusahaan suatu Negara Pejanji kepada pemastautin Negara Pejanji yang satu lagi boleh, bagi maksud menentukan keuntungan yang boleh dicukai perusahaan itu, dipotong di bawah syarat-syarat yang sama seolah-olah ia telah dibayar kepada pemastautin Negara Pejanji yang mula-mula disebutkan.

4. Perusahaan-perusahaan suatu Negara Pejanji, yang modalnya dimiliki atau dikawal sepenuhnya atau sebahagiannya, secara langsung atau tidak langsung, oleh seorang pemastautin atau lebih Negara Pejanji yang satu lagi, tidaklah boleh tertakluk di Negara Pejanji yang mula-mula disebutkan kepada sebarang pencukaian atau sebarang kehendak berhubung dengannya yang berlainan atau lebih membebankan dari pencukaian dan kehendak-kehendak berkaitan yang kepadanya perusahaan-perusahaan lain yang seumpamanya di Negara yang mula-mula disebutkan itu tertakluk atau mungkin tertakluk.

5. Jika suatu Negara Pejanji memberi galakan cukai kepada rakyatnya yang dirancang untuk menggalakkan perkembangan ekonomi atau sosial menurut dasar dan kriteria negaranya, ia tidaklah boleh ditafsirkan sebagai diskriminasi di bawah Perkara ini.

6. Peruntukan-peruntukan Perkara ini hendaklah, dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan Perkara 2 (Cukai Yang Diliputi), dikenakan kepada setiap jenis dan perihalan cukai.

Perkara 25

PROSEDUR PERSETUJUAN BERSAMA

1. Jika seseorang itu menganggap bahawa tindakan salah satu atau kedua-dua Negara Pejanji mengakibatkan atau akan mengakibatkan kepadanya pencukaian yang tidak menurut peruntukan-peruntukan Perjanjian ini, dia boleh, walaupun

terdapat remedi yang diperuntukkan oleh undang-undang domestik Negara-Negara tersebut, mengemukakan kesnya kepada pihak berkuasa yang layak di Negara Pejanji di mana dia adalah pemastautinnya atau, jika kesnya termasuk di bawah perenggan 1 Perkara 24 (Tidak Berdiskriminasi), kepada Negara Pejanji di mana dia adalah rakyatnya. Kes tersebut mestilah dikemukakan dalam masa tiga tahun dari pemberitahuan pertama mengenai tindakan yang mengakibatkan pencukaaian yang tidak menurut peruntukan-peruntukan Perjanjian ini.

2. Pihak berkuasa yang layak hendaklah berusaha, jika bantahan tersebut didapatinya mempunyai justifikasi dan jika ia dengan sendirinya tidak dapat mencapai suatu penyelesaian yang memuaskan, untuk menyelesaikan kes tersebut melalui persetujuan bersama dengan pihak berkuasa yang layak di Negara Pejanji yang satu lagi, dengan tujuan untuk mengelakkan pencukaaian yang tidak menurut Perjanjian ini. Sebarang persetujuan yang dicapai hendaklah dilaksanakan walaupun terdapat sebarang had masa dalam undang-undang domestik Negara-Negara Pejanji.

3. Pihak-pihak berkuasa yang layak di Negara-Negara Pejanji hendaklah berusaha untuk menyelesaikan dengan persetujuan bersama sebarang kesulitan atau keraguan yang timbul tentang tafsiran atau penerapan Perjanjian ini. Mereka juga boleh sama-sama berunding untuk menghapuskan cukai dua kali dalam kes-kes yang tidak diperuntukkan dalam Perjanjian ini.

4. Pihak-pihak berkuasa yang layak di Negara-Negara Pejanji boleh berhubung secara langsung antara satu sama lain bagi tujuan mencapai persetujuan bagi maksud perenggan-perenggan yang terdahulu. Pihak-pihak berkuasa yang layak, melalui perundingan, hendaklah mengadakan prosedur-prosedur, syarat-syarat, kaedah-kaedah dan teknik-teknik dua hala yang bersesuaian bagi melaksanakan prosedur persetujuan bersama yang diperuntukkan dalam Perkara ini.

Perkara 26

PERTUKARAN MAKLUMAT

1. Pihak-pihak berkuasa yang layak di Negara-Negara Pejanji hendaklah bertukar-tukar maklumat yang dijangka berkaitan bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Perjanjian ini atau bagi melaksanakan atau menguatkuasakan undang-undang domestik Negara Pejanji berhubung dengan setiap jenis dan perihalan cukai yang dikenakan bagi pihak Negara-Negara Pejanji, atau subbahagian politik atau pihak-pihak berkuasa tempatannya, setakat mana pencukaaian di bawahnya tidak bertentangan dengan Perjanjian ini. Pertukaran maklumat tidak disekat oleh Perkara-Perkara 1 dan 2.

2. Sebarang maklumat yang diterima di bawah perenggan 1 oleh suatu Negara Pejanji hendaklah disifatkan sebagai rahsia sama seperti maklumat yang diperolehi di bawah undang-undang domestik Negara itu dan hendaklah

didedahkan hanya kepada orang atau pihak berkuasa (termasuk mahkamah dan badan pentadbiran) yang terlibat dalam menaksir atau memungut, menguatkuasakan atau mendakwa berkaitan dengan, atau memutuskan rayuan berkenaan dengan cukai-cukai yang disebut dalam perenggan 1. Orang atau pihak berkuasa tersebut hendaklah menggunakan maklumat itu hanya bagi maksud-maksud tersebut. Mereka boleh mendedahkan maklumat itu dalam prosiding mahkamah awam atau dalam keputusan kehakiman. Maklumat tidak boleh didedahkan kepada mana-mana bidang kuasa ketiga bagi sebarang tujuan. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan yang tersebut di atas, maklumat yang diterima oleh suatu Negara Pejanji boleh digunakan bagi tujuan lain apabila maklumat tersebut boleh digunakan bagi tujuan tersebut di bawah undang-undang kedua-dua Negara Pejanji dan pihak berkuasa yang layak di Negara yang memberikan maklumat itu membenarkan penggunaan tersebut.

3. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 dan 2 tidaklah boleh sekali-kali ditafsirkan sebagai mengenakan kepada suatu Negara Pejanji obligasi:

(a) untuk menjalankan langkah pentadbiran bertentangan dengan undang-undang dan amalan pentadbiran Negara Pejanji itu atau Negara Pejanji yang satu lagi;

(b) untuk memberi maklumat yang tidak dapat diperolehi di bawah undang-undang atau dalam perjalanan biasa pentadbiran Negara Pejanji itu atau Negara Pejanji yang satu lagi;

(c) untuk memberi maklumat yang akan mendedahkan sebarang rahsia perdagangan, perniagaan, perindustrian, komersial atau profesional atau proses perdagangan, atau maklumat, yang pendedahannya adalah bertentangan dengan dasar awam.

4. Jika maklumat diminta oleh suatu Negara Pejanji menurut Perkara ini, Negara Pejanji yang satu lagi hendaklah menggunakan langkah mengumpulkan maklumatnya untuk mendapatkan maklumat yang diminta itu, walaupun Negara Pejanji yang satu lagi itu mungkin tidak memerlukan maklumat tersebut bagi maksud-maksud cukainya sendiri. Obligasi yang terkandung dalam ayat terdahulu adalah tertakluk kepada batasan perenggan 3 tetapi batasan tersebut tidaklah boleh sekali-kali ditafsirkan sebagai membenarkan suatu Negara Pejanji untuk enggan memberikan maklumat semata-mata kerana Negara Pejanji itu tidak mempunyai kepentingan domestik ke atas maklumat tersebut.

5. Peruntukan-peruntukan perenggan 3 tidaklah boleh sekali-kali ditafsirkan sebagai membenarkan suatu Negara Pejanji untuk enggan memberikan maklumat semata-mata kerana maklumat tersebut dipegang oleh sebuah bank, institusi kewangan lain, penama atau orang yang bertindak atas sifat sebuah agensi atau seorang fidusiari atau kerana maklumat tersebut berkaitan dengan kepentingan pemunyaan ke atas seseorang.

Perkara 27

AHLI-AHLI MISI DIPLOMATIK DAN POS KONSUL

Tiada sebarang apa pun dalam Perjanjian ini boleh menjejaskan keistimewaan fiskal ahli-ahli misi diplomatik atau pos konsul di bawah aturan-aturan am undang-undang antarabangsa atau di bawah peruntukan-peruntukan perjanjian khas.

Perkara 28

MULA BERKUAT KUASA

1. Setiap Negara Pejanji hendaklah memberitahu Negara Pejanji yang satu lagi, melalui saluran diplomatik, mengenai selesainya prosedur yang dikehendaki oleh undang-undangnya bagi Perjanjian ini mula berkuat kuasa.

2. Perjanjian ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh pemberitahuan yang terkemudian yang disebut dalam perenggan 1 dan peruntukan-peruntutannya hendaklah berkuat kuasa:

(a) berkaitan dengan cukai-cukai yang ditahan atas sumber, ke atas pendapatan yang dibayar kepada bukan pemastautin pada atau selepas satu haribulan Januari dalam tahun kalendar selepas tahun Perjanjian ini mula berkuat kuasa;

(b) berkaitan dengan cukai-cukai lain, ke atas pendapatan dalam mana-mana tahun kena cukai yang bermula pada atau selepas satu haribulan Januari dalam tahun kalendar selepas tahun Perjanjian ini mula berkuat kuasa.

Perkara 29

PENAMATAN

Perjanjian ini hendaklah terus berkuat kuasa sehingga ditamatkan oleh suatu Negara Pejanji. Salah satu Negara Pejanji boleh menamatkan Perjanjian ini, melalui saluran diplomatik, dengan memberikan notis penamatan secara bertulis sekurang-kurangnya enam (6) bulan sebelum penghujung mana-mana tahun kalendar selepas tempoh lima (5) tahun dari tarikh Perjanjian ini mula berkuat kuasa. Dalam keadaan tersebut, Perjanjian ini hendaklah terhenti daripada berkuat kuasa:

(a) berkaitan dengan cukai-cukai yang ditahan atas sumber, ke atas pendapatan yang dibayar kepada bukan pemastautin pada atau selepas satu haribulan Januari dalam tahun kalendar selepas tahun notis itu diberikan;

(b) berkaitan dengan cukai-cukai lain, ke atas pendapatan dalam mana-mana tahun kena cukai yang bermula pada atau selepas satu haribulan Januari dalam tahun kalendar selepas tahun notis itu diberikan.

PADA MENYAKSIKANNYA wakil-wakil yang bertandatangan di bawah ini, yang telah diberi kuasa, telah menandatangani Perjanjian ini.

DIPERBUAT dalam dua salinan di Bandar Seri Begawan pada hari ini 16 haribulan Julai 2021, dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat perbezaan tafsiran antara naskhah-naskhah Perjanjian ini, maka naskhah dalam bahasa Inggeris hendaklah dipakai.

BAGI PIHAK KERAJAAN
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA
SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG
DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BAGI PIHAK KERAJAAN
REPUBLIK FILIPINA

YANG BERTHORMAT
DATO DR AMIN ABDULLAH
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

YANG BERTHORMAT
CARLOS G. DOMINGUEZ III
SETIAUSAHA
JABATAN KEWANGAN

**PERTUKARAN SURAT BERHUBUNG DENGAN PERJANJIAN
ANTARA KERAJAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI
BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
DENGAN KERAJAAN REPUBLIK FILIPINA BAGI PENGELAKAN CUKAI DUA
KALI DAN PENCEGAHAN PELARIAN FISKAL BERKENAAN DENGAN
CUKAI-CUKAI KE ATAS PENDAPATAN**

Tuan Yang Terutama,

Saya dengan penuh hormat dan takzim sukacita merujuk kepada Perjanjian antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Republik Filipina bagi Pengelakan Cukai Dua Kali dan Pencegahan Pelarian Fiskal berkenaan dengan Cukai-Cukai ke atas Pendapatan (selepas ini disebut sebagai "Perjanjian itu") dan mencadangkan atas nama Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menambah seperti yang berikut:

(1) Perkara 26 – PERTUKARAN MAKLUMAT

- (i) Maka diakui bahawa pihak berkuasa yang layak di Negara yang diminta hendaklah memberikan atas permintaan pihak berkuasa yang layak di Negara yang meminta maklumat bagi maksud-maksud yang disebut dalam Perkara 26.*
- (ii) Pihak berkuasa yang layak di Negara pemohon hendaklah memberikan bagi menyokong permintaan bertulisnya seterperinci mungkin maklumat yang berikut kepada pihak berkuasa yang layak di Negara yang diminta apabila mengemukakan permintaan bagi maklumat di bawah Perjanjian itu, untuk menunjukkan hubungkait maklumat tersebut dengan permintaan itu yang dijangkakan:*
 - (a) Tujuan permintaan itu;*
 - (b) Identiti pihak berkuasa yang layak;*
 - (c) Identiti orang yang berkenaan dengannya maklumat itu diminta;*
 - (d) Keterangan maklumat yang diminta itu termasuk jenisnya, kaitan maklumat tersebut dengan tujuan permintaan itu, dan bentuk bagaimana pihak berkuasa yang layak ingin menerima maklumat tersebut daripada Negara yang diminta;*
 - (e) Alasan untuk mempercayai bahawa maklumat yang diminta itu dipegang oleh Negara yang diminta, atau ada dalam milikan atau kawalan seseorang dalam bidang kuasa Negara yang diminta;*

- (f) *Setakat mana yang diketahui, nama dan alamat mana-mana orang yang dipercayai ada memiliki atau mengawal maklumat yang diminta itu;*
- (g) *Suatu pernyataan bahawa permintaan itu adalah menepati undang-undang dan amalan pentadbiran Negara yang meminta, bahawa jika maklumat yang diminta itu berada di bawah bidang kuasa Negara yang meminta maka pihak berkuasa yang layak di Negara yang meminta akan dibenarkan mendapatkan maklumat tersebut di bawah undang-undang Negara yang meminta atau dalam perjalanan biasa amalan pentadbiran;*
- (h) *Suatu pernyataan bahawa Negara yang meminta telah menggunakan segala cara yang ada di wilayahnya sendiri untuk mendapatkan maklumat tersebut (kecuali cara-cara yang akan menimbulkan kesulitan yang tidak setimpal) termasuk mendapatkan maklumat tersebut terus daripada orang yang berkenaan dengannya maklumat tersebut diminta;*
- (i) *Butir-butir tempoh Negara yang meminta itu mahu permintaan itu dipenuhi;*
- (j) *Apa-apa maklumat lain yang dikehendaki untuk dimasukkan dengan permintaan itu di bawah penyusunan tersebut;*
- (k) *Apa-apa maklumat lain yang boleh membantu dalam melaksanakan permintaan tersebut.*
- (iii) *Pihak berkuasa yang layak di Negara yang diminta boleh enggan memberikan maklumat yang diminta itu:*
 - (a) *apabila permintaan itu tidak dibuat menepati Perjanjian itu; dan*
 - (b) *untuk mendapatkan atau memberikan maklumat yang akan mendedahkan perhubungan rahsia antara seorang klien dengan seorang peguam, peguamcara atau wakil lain di sisi undang-undang yang dibenarkan jika perhubungan itu:*
 - (i) *dikemukakan bagi maksud-maksud meminta atau memberi nasihat undang-undang atau*
 - (ii) *dikemukakan bagi maksud-maksud untuk digunakan dalam prosiding undang-undang sedia ada atau yang dijangka.*

(2) **Perkara 8 – PERKAPALAN DAN PENGANGKUTAN UDARA**

Berhubung dengan Perenggan 2 Perkara 8, difahamkan bahawa pengecualian timbal balik akan tersedia ada untuk International Carriers daripada Negara Brunei Darussalam di bawah Bab 28(A)/(3) dari Kanun Hasil Negara Filipina secara timbal balik kerana Negara Brunei Darussalam juga akan memberikan pengecualian kepada International Carriers daripada Filipina di bawah Bab 10(1)(l) dari Akta Cukai Pendapatan (Penggali 35).

Sekiranya perkara tersebut di atas boleh diterima oleh Kerajaan Republik Filipina, saya dengan penuh hormat dan takzim sukacita mencadangkan bahawa, surat ini dan surat jawapan Tuan Yang Terutama hendaklah menjadi suatu Perjanjian antara kedua-dua Kerajaan kita dan hendaklah berkuat kuasa pada tarikh surat jawapan Tuan Yang Terutama.

Saya mengambil kesempatan ini untuk memperbaharui penghargaan saya yang setinggi-tingginya.

**Dengan hormatnya,
BAGI PIHAK KERAJAAN
KEBAWAH DULI YANG
MAHA MULIA PADUKA
SERI BAGINDA SULTAN
DAN YANG
DI-PERTUAN NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM**

**DATO DR. AMIN
ABDULLAH
MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI DAN
MENTERI KEWANGAN
DAN EKONOMI II,
KEMENTERIAN
KEWANGAN DAN
EKONOMI
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM**

TARIKH: 16 JULAI 2021

**PERTUKARAN SURAT BERHUBUNG DENGAN PERJANJIAN
ANTARA KERAJAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI
BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
DENGAN KERAJAAN REPUBLIK FILIPINA BAGI PENGELAKAN CUKAI DUA
KALI DAN PENCEGAHAN PELARIAN FISKAL BERKENAAN DENGAN
CUKAI-CUKAI KE ATAS PENDAPATAN**

Tuan Yang Terutama,

Saya dengan penuh hormat dan takzim sukacita mengesahkan penerimaan surat Tuan Yang Terutama pada tarikh hari ini yang dinyatakan seperti berikut:

"Saya dengan penuh hormat dan takzim sukacita merujuk kepada Perjanjian antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Republik Filipina bagi Pengelakan Cukai Dua Kali dan Pencegahan Pelarian Fiskal berkenaan dengan Cukai-Cukai ke atas Pendapatan (selepas ini disebut sebagai "Perjanjian itu") dan mencadangkan atas nama Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menambah seperti yang berikut:

(1) Perkara 26 – PERTUKARAN MAKLUMAT

- (i) Maka diakui bahawa pihak berkuasa yang layak di Negara yang diminta hendaklah memberikan atas permintaan pihak berkuasa yang layak di Negara yang meminta maklumat bagi maksud-maksud yang disebut dalam Perkara 26.
- (ii) Pihak berkuasa yang layak di Negara pemohon hendaklah memberikan bagi menyokong permintaan bertulisnya seterperinci mungkin maklumat yang berikut kepada pihak berkuasa yang layak di Negara yang diminta apabila mengemukakan permintaan bagi maklumat di bawah Perjanjian itu, untuk menunjukkan jangkaan kaitan maklumat tersebut dengan permintaan itu:
 - (a) Tujuan permintaan itu;
 - (b) Identiti pihak berkuasa yang layak;
 - (c) Identiti orang yang berkenaan dengannya maklumat tersebut diminta;
 - (d) Keterangan maklumat yang diminta itu termasuk jenisnya, kaitan maklumat tersebut dengan tujuan permintaan itu, dan bentuk bagaimana pihak berkuasa yang layak ingin menerima maklumat tersebut daripada Negara yang diminta;

- (e) Alasan untuk mempercayai bahawa maklumat yang diminta itu dipegang oleh Negara yang diminta, atau ada dalam milikan atau kawalan seseorang dalam bidang kuasa Negara yang diminta;*
 - (f) Setakat mana yang diketahui, nama dan alamat mana-mana orang yang dipercayai ada memiliki atau mengawal maklumat yang diminta itu;*
 - (g) Suatu pernyataan bahawa permintaan itu adalah menepati undang-undang dan amalan pentadbiran Negara yang meminta, bahawa jika maklumat yang diminta itu berada di bawah bidang kuasa Negara yang meminta maka pihak berkuasa yang layak di Negara yang meminta akan dibenarkan mendapatkan maklumat tersebut di bawah undang-undang Negara yang meminta atau dalam perjalanan biasa amalan pentadbiran;*
 - (h) Suatu pernyataan bahawa Negara yang meminta telah menggunakan segala cara yang ada di wilayahnya sendiri untuk mendapatkan maklumat tersebut (kecuali cara-cara yang akan menimbulkan kesulitan yang tidak setimpal) termasuk mendapatkan maklumat tersebut terus daripada orang yang berkenaan dengannya maklumat tersebut diminta;*
 - (i) Butir-butir tempoh Negara yang meminta itu mahu permintaan itu dipenuhi;*
 - (j) Apa-apa maklumat lain yang dikehendaki untuk dimasukkan dengan permintaan itu di bawah penyusunan tersebut;*
 - (k) Apa-apa maklumat lain yang boleh membantu dalam melaksanakan permintaan tersebut.*
- (iii) Pihak berkuasa yang layak di Negara yang diminta boleh enggan memberikan maklumat yang diminta itu:*
- (a) apabila permintaan itu tidak dibuat menepati Perjanjian itu; dan*
 - (b) untuk mendapatkan atau memberikan maklumat yang akan mendedahkan perhubungan rahsia antara seorang klien dengan seorang peguam, peguamcara atau wakil lain di sisi undang-undang yang dibenarkan jika perhubungan itu:*
 - (i) dikemukakan bagi maksud-maksud meminta atau memberi nasihat undang-undang atau*
 - (ii) dikemukakan bagi maksud-maksud untuk digunakan dalam prosiding undang-undang sedia ada atau yang dijangka.*

(2) Perkara 8 – PERKAPALAN DAN PENGANGKUTAN UDARA

Berhubung dengan Perenggan 2 Perkara 8, difahamkan bahawa pengecualian timbal balik akan tersedia ada untuk International Carriers daripada Negara Brunei Darussalam di bawah Bab 28(A)(3) dari Kanun Hasil Negara Filipina secara timbal balik kerana Negara Brunei Darussalam juga akan memberikan pengecualian kepada International Carriers daripada Filipina di bawah Bab 10(1)(l) dari Akta Cukai Pendapatan (Penggali 35).

Sekiranya perkara tersebut di atas boleh diterima oleh Kerajaan Republik Filipina, saya dengan penuh hormat dan takzim sukacita mencadangkan bahawa, surat ini dan surat jawapan Tuan Yang Terutama hendaklah menjadi suatu Perjanjian antara kedua-dua Kerajaan kita dan hendaklah berkuat kuasa pada tarikh surat jawapan Tuan Yang Terutama."

Saya dengan penuh hormat dan takzim mengesahkan bahawa cadangan tersebut di atas boleh diterima oleh Kerajaan Republik Filipina dan surat Tuan Yang Terutama bersama surat jawapan ini hendaklah menjadi suatu Perjanjian antara kedua-dua Kerajaan kita dan hendaklah berkuat kuasa pada tarikh surat jawapan ini.

Saya mengambil kesempatan ini untuk memperbaharui penghargaan saya yang setinggi-tingginya.

**Dengan hormatnya,
BAGI PIHAK KERAJAAN
REPUBLIK FILIPINA**

**CARLOS G. DOMINGUEZ III
SETIAUSAHA
JABATAN KEWANGAN
REPUBLIK FILIPINA**

TARIKH: 16 JULAI 2021

Diperbuat pada hari ini 1 haribulan Sya'aban, Tahun Hijrah 1444 bersamaan dengan 22 haribulan Februari, 2023.

**DATO SERI SETIA DR. AWANG HAJI MOHD AMIN LIEW BIN ABDULLAH
Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan
Menteri Kewangan dan Ekonomi II.**